

Elak kejadian **banjir kilat** berulang

Sistem pengairan di sekitar Tol Bukit Beruntung bakal dinaik taraf, JKR kini dalam proses dapatkan peruntukan dana

BUKIT BERUNTUNG - Sistem pengairan di sekitar Tol Bukit Beruntung bakal dinaik taraf bagi mengelakkan masalah banjir kilat yang kerap berlaku ketika musim hujan.

Ahli Majlis, June Leow berkata, pihak Jabatan Kerja Raya (JKR) sudah pun bersetuju untuk menaik taraf sistem pengairan di sekitar plaza tol tersebut.

"JKR akan membina paip besar di bawah jalan supaya air yang bertakung di jalan raya, longkang dan kolam di tepi jalan boleh disalurkan ke monsun drain yang sedang dalam proses pembinaan dengan kelebaran 20 kaki di Bukit Beruntung.

"Kita yakin jika projek naik taraf ini siap, ia boleh menyelesaikan masalah banjir kilat yang sering berlaku bila hujan lebat," katanya.

Menurutnya, JKR kini hanya dalam proses untuk mendapatkan peruntukan atau



Kedadaan sistem saliran di sekitar Plaza Tol Bukit Beruntung yang menyebabkan kerap berlaku banjir kilat di kawasan itu.

dana bagi memulakan projek ini secepat mungkin.

"Buat masa ini, JKR sudah mengorek longkang yang dipenuhi dengan lumpur untuk mengelakkan sistem saliran tersumbat dan berlaku banjir

kilat lagi.

"Kejadian banjir kilat kita syaki berpunca juga dari kebun sayur yang terletak kira-kira 100 meter dari kawasan tol.

"Kita mahu pejabat tanah



daerah siasat status tanah tersebut kerana dikhuatiri tidak mempunyai lesen kerana sistem saliran mereka tidak betul dan menyebabkan lumpur dari kebun mengalir ke arah jalan raya ketika hujan lebat.

"Ini kerana, selepas tanah itu diteroka untuk dibuat kebun sayur, jalan sekitar tol memang sering banjir," katanya.

Beliau berkata, adalah sangat wajar pejabat tanah membuat pemeriksaan dan meng-

ambil tindakan sepatutnya jika status tanah kebun itu tidak mempunyai lesen atau kebun dibuka di atas tanah milik kerajaan.

Dalam pada itu, penduduk, Adam Hussain berkata, walaupun kawasan itu agak jauh dari kawasan perumahan tetapi sebagai pengguna jalan raya, dia tetap tertekan dengan kejadian banjir kilat yang kerap berlaku di sekitar plaza tol berkenaan.

"Kita ni hari-hari lalu dan guna jalan tu. Bila berlaku banjir kilat, yang susahnyalah kami penduduk sebab jalan inilah jalan utama untuk ke pekan Bukit Beruntung dan Bukit Sentosa. Malahan, ada juga penduduk Sungai Buaya yang lalu tol ini untuk ke Sungai Buaya.

"Kita sedia maklum bila menjelang hujung tahun sahaja musim hujan pun tiba. Jadi kami ini terpaksa bersedia juga untuk meredah banjir di kawasan yang sama setiap kali hujan lebat," katanya.

Bilik gerakan bencana diaktifkan

KUALA KUBU BHARU - Bilik gerakan bencana Hulu Selangor telah mula diaktifkan sebagai persediaan menghadapi musim tengkujuh yang sering berlaku setiap hujung tahun.

Pengerusi Jawatankuasa Bencana Daerah Hulu Selangor, Mohd Fauzi Mohd Yatim berkata, bilik gerakan itu mula diaktifkan Jumaat lalu.

"Bilik gerakan itu sudah pun beroperasi sejak hari Jumaat dan ia dibuka dari jam 8 pagi hingga 12 tengah malam.

"Bermula Jumaat, bilik itu akan dibuka setiap hari bagi

memantau sebarang kejadian bencana yang berlaku di sekitar Hulu Selangor," katanya.

Menurutnya, bilik itu bertempat di bilik gerakan Pejabat Tanah dan Daerah Hulu Selangor dan setiap hari akan ada pegawai dan kakitangan yang bertugas di bilik berkenaan.

"Orang ramai yang mahu membuat aduan berhubung sebarang kejadian atau bencana alam boleh terus menghubungi bilik gerakan bencana di talian bebas tol 1-800-88-1384 atau faks di nombor 03-60641384," katanya.



RAI Adun Batang Kali, Mat Nadzari Ahmad Dahlan turut sama meraikan Hari Konvokesyen Tabika Kemas, Bukit Beruntung, semalam.